RIP RIP RAM

Permainan ini dimainkan oleh kanak-kanak lelaki mahupun perempuan yang berumur tujuh tahun ke atas. Bilangan pemain yang diperlukan adalah dua atau lebih pemain. Rip rip ram adalah merupakan permainan yang hampir sama dengan Wan Tu Zum ataupun La Da Li La Tham Pom iaitu bagi tujuan mengundi.

Rip-rip ram dimainkan apabila salah seorang daripada para pemain perlu membuka tapak tangan dan meletakkan jari telunjuk pada tapak tangan. Ketika bermain, pemain-pemain akan menyebut 'Rip Rip Ram' secara beramai-ramai. Sebaik sahaja habis menyebut, pemain yang membuka tapak tangannya akan terus menutup tapak tangannya. Pemain yang leka dan dapat ditangkap jarinya akan menjadi ibu kepada permainan seperti main-main sorok. Jika lebih daripada seorang pemain yang kena tangkap, pemain yang ditangkap jarinya hendaklah menyebut 'Rip Rip Ram' semula.

RIP RAP RAM

This game is played by at least two players, both boys and girls aged seven years and above. It is quite similar to Wan Tu Zum and La Da Li La Tham Pom games of which the main objective of this game is to decide on which player is to be forfeited.

To play, one player opens his palm while the others place the tips of their forefingers at the center of the open palm. Together, they call out Rip Rip Ram. Upon hearing this the first player quickly closes his palm into a fist and attempts to hold as many of the extended forefingers while the others try to remove their fingers before it closes. If two or more are caught, the process is repeated with those caught until only one remains.



